

EDITORIAL

This first issue of volume 25 of *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* comprises six articles on various issues in the humanities, focusing particularly on the Asian context. Two articles, based on literary works, analyse sociocultural concerns that connect the West with the East. The first article analyses the relationship between Western medicine and indigenous Indian medical practices in colonial India. Based on Amitav Ghosh's *The Calcutta Chromosome*, the issue of Western medicine as a tool for colonial expansionism is addressed by foregrounding "an alternative narrative of the subalterns", the voice of the marginalised whose contributions to the history of science remained undocumented. The theme of the marginalised voice is reprised in the third article in this volume. Based on Mohja Kahf's *The Girl in the Tangerine Scarf*, the article addresses the difficulties a Muslim woman faces as she maintains her Muslim identity in her adopted homeland of America. A unique feature of this article is the use of the Islamic feminism approach in analysing the novel which the authors claim can assist our understanding of the problems connected to patriarchy "in many Muslim communities, including ones in the West".

The second and fifth articles in this collection discuss issues in translation. The former discusses conjunctive element shifts in the translation of argumentative column articles written in English into Chinese in Malaysia. The study found that shifts in the conjunctive elements can impact the translation in various ways including the intensity and focus of the message, tone and manner of the text, interpretation of the text and the conversational element of a text. Clearly, these should be minimised to ensure that the original message is not lost in translation. The other article on translation is an analysis of what is known as Anglicism in translated printed Malay catalogue headlines. Based on an analysis of over 2,000 translated Malay headlines, the study found that translation contributes to Anglicism in the Malay headlines particularly through the use of English loanwords.

The fourth article in this volume is an interesting study on the language choices of a Tamil minority in the city of Kuching in Sarawak, Malaysia. The authors studied the code choices of the spoken discourse of different age cohorts in the community. The study found that age and social networks influence the code selection of the minority Tamils in the home and friendship domains.

The final article in this volume is a historical account of the missionary movement of the *Tablighi Jamaat* from the 1970s to the 1990s in Malaysia. The significant impact of the movement in disseminating Islamic teaching in the country, the author argues, caused the government and the Malay Muslims to question its credibility. The article evaluates the defensive responses by *Tablighi Jamaat* in meeting the allegations made against them as strategy in perpetuating their religious mission.

Hajar Abdul Rahim
Editor-in-Chief
April 2018

RENCANA PENGARANG

Isu pertama jilid ke-25 *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* ini mengandungi enam buah makalah berkenaan pelbagai isu dalam bidang kemanusiaan, khususnya dalam konteks Asia. Dua buah makalah yang berasaskan karya kesusasteraan membincangkan isu sosiobudaya yang mempertalikan dunia Barat dengan dunia Timur. Makalah pertama menganalisis hubungan antara perubatan Barat dengan amalan perubatan peribumi India pada era penjajahan di India. Berdasarkan buku *The Calcutta Chromosome* oleh Amitav Ghosh, isu perubatan Barat sebagai alat penjajah dikupas dengan mengetengahkan “satu naratif alternatif kumpulan subaltern”, iaitu suara masyarakat terpinggir yang sumbangannya kepada sejarah sains tidak direkodkan. Tema suara terpinggir juga timbul dalam makalah ketiga koleksi ini. Berdasarkan novel oleh Mohja Kahf yang bertajuk *The Girl in the Tangerine Scarf*, makalah ini mengutarakan kepayahan yang dialami oleh seorang wanita Islam untuk mempertahankan identiti Islamnya dalam ruang diaspora Amerika. Pendekatan feminisme Islam yang digunakan dalam menganalisis novel tersebut merupakan satu elemen unik dalam makalah ini. Menurut pengkaji, pendekatan ini dapat membantu untuk kita memahami masalah patriarki “dalam kebanyakan komuniti Islam, termasuk di Barat”.

Makalah kedua dan kelima dalam koleksi ini membincangkan isu dalam penterjemahan. Makalah kedua membincangkan perubahan elemen kata hubung dalam penterjemahan makalah argumentatif daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Cina di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa perubahan dalam elemen kata hubung memberi kesan kepada terjemahan, termasuk daripada segi keamatan dan fokus mesej, nada dan perilaku teks, interpretasi teks dan elemen perbualan sesuatu teks. Jelas bahawa perubahan elemen kata hubung perlu diminimumkan supaya mesej asal tidak hilang dalam proses penterjemahan. Sebuah lagi makalah tentang penterjemahan merupakan analisis unsur keinggerisan dalam tajuk utama katalog bercetak versi terjemahan dalam bahasa Melayu. Berdasarkan analisis terhadap lebih 2,000 buah tajuk utama dalam bahasa Melayu, kajian tersebut mendapati bahawa penterjemahan menyumbangkan unsur keinggerisan dalam iklan berbahasa Melayu, terutama melalui penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris.

Makalah keempat jilid ini merupakan sebuah kajian yang menarik tentang pemilihan bahasa dalam kumpulan minoriti Tamil di Kuching, Sarawak, Malaysia. Penulis mengkaji pemilihan kod dalam wacana perbualan kumpulan penutur dengan umur yang berbeza dalam komuniti tersebut. Kajian ini mendapati bahawa umur dan rangkaian sosial komuniti mempengaruhi pemilihan kod dalam domain rumah tangga dan persahabatan komuniti minoriti Tamil berkenaan.

Makalah terakhir dalam koleksi ini membincangkan sejarah pergerakan dakwah Jamaah Tabligh dari era 1970-an sehingga 1990-an di Malaysia. Menurut pengkaji, kejayaan usaha dakwah pergerakan ini telah menyebabkan kerajaan dan masyarakat Melayu Islam mempersoalkan kredibiliti mereka. Makalah ini menilai respons Jamaah Tabligh terhadap dakwaan yang dibuat terhadap mereka sebagai strategi untuk meneruskan usaha dakwah mereka.

Hajar Abdul Rahim
Ketua Sidang Pengarang
April 2018